KENYATAAN MEDIA

JABATAN WARISAN NEGARA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

PENGIKTIRAFAN KEBAYA BERSAMA-SAMA BRUNEI DARUSSALAM, INDONESIA, MALAYSIA, SINGAPURA DAN THAILAND DI BAWAH *REPRESENTATIVE LIST OF THE INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE OF HUMANITY* UNESCO TAHUN 2024

4 Disember 2024 - Malaysia telah berjaya mendapat pengiktirafan untuk satu lagi elemen warisan kebudayaan tidak ketara iaitu kebaya yang diumumkan pada hari ini sempena sesi-19 *Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage* (IGC ICH) yang diadakan pada 2 - 7 Disember 2024 di Asuncion, Paraguay. Keputusan pencalonan *Kebaya: Knowledge, Skills, Traditions and Practices* bawah kategori *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* yang merupakan pencalonan secara bersama Malaysia dengan Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura dan Thailand telah diumumkan pada 4 Disember 2024 jam XXX pagi dan XXX malam waktu Malaysia. Kejayaan penyenaraian ini menjadikan tiga pencalonan secara bersama atau *multinational nomination* telah berjaya diperoleh Malaysia, terdahulu adalah pantun bersama Indonesia (2020) dan Upacara Wangkang bersama China (2020).

Penyenaraian yang cukup berprestij ini telah diputuskan oleh *Intergovernmental Committee for the Safeguarding of Intangible Cultural Heritage,* UNESCO yang dianggotai oleh 24 Negara Anggota *2003 Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*. Pengiktirafan ini lebih bermakna apabila Badan Penilai (Evaluation Body) UNESCO telah mengiktiraf dossier pencalonan kebaya sebagai dossier pencalonan terbaik untuk fail pencalonan bersama atau *multinasional file*.

Malaysia melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan agensi di bawahnya iaitu Jabatan Warisan Negara (JWN) menerajui inisiatif mencalonkan “Kebaya: Knowledge, Skills, Traditions and Practices” sebagai pencalonan bersama ke UNESCO pada 28 Mac tahun 2023. Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura dan Thailand mengambil keputusan untuk mencalonkan secara bersama kebaya ke UNESCO kerana warisan ini mewakili setiap negara, selain meraikan kekayaan warisan sejarah, menggalakkan persefahaman silang budaya dan pemakaiannya masih aktif diamalkan oleh komuniti di rantau Asia Tenggara.

Beberapa siri bengkel telah diadakan bagi melengkapkan dossier pencalonan kebaya. Malaysia telah menganjurkan bengkel siri pertama pada 1 - 3 November 2023 di Port Dickson, Negeri Sembilan yang disertai oleh wakil dari Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura dan Thailand. Bengkel siri kedua pula telah dianjurkan oleh Kerajaan Indonesia pada 6 - 8 Februari 2023 di Jakarta, Indonesia. Selain bengkel secara bersemuka, MOTAC juga telah mengadakan mesyuarat secara berkala dalam talian bagi melengkapkan maklumat pencalonan bersama.

Pihak MOTAC telah mendapat sokongan dan bantuan yang baik daripada pelbagai pihak termasuklah agensi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, negara-negara yang terlibat dengan pencalonan, badan bukan kerajaan, persatuan dan juga para pengamal serta komuniti kebaya semasa penyediaan dossier pencalonan. Selain itu, bantuan turut diperolehi daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia termasuk pihak Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia ke UNESCO, Paris.

Dalam menyokong pencalonan kebaya ke UNESCO, setiap negara telah mengadakan pelbagai program promosi. MOTAC di bawah agensinya, JWN telah mengadakan beberapa aktiviti berkaitan kebaya, antaranya pameran kebaya di Sama-Sama Hotel, Sepang (12 Jun 2023), pameran kebaya di Parlimen Malaysia (24 Jun - 30 September 2024) dan pameran kebaya sempena “The ASEAN Ladies Circle Fashion Gala” di rumah PUSPANITA, Putrajaya (22 November 2024). Selain itu, beberapa siri kempen kebaya juga telah diadakan seperti “kebaya on the Go” dan “Kebaya ke UNESCO Contest”. JWN turut memberikan kerjasama dalam menjayakan siri dokumentari khas oleh RTM bertajuk “Kebaya Warisan Budaya” serta dokumentari kebaya oleh Badan Bukan Kerajaan dan persatuan menggunakan Geran Sokongan Sektor kebudayaan (GSSK) yang giat dijalankan dalam usaha mempromosi kebaya kepada masyarakat Malaysia. Selain itu, JWN juga telah mengadakan program “Road to UNESCO: Meraikan Warisan Kita/Celebrating Our Heritage” pada 5 - 6 Oktober 2024 di Subang Parc, Subang Jaya yang antara lain memfokuskan pengisian aktiviti berkaitan kebaya dan budaya sarapan di Malaysia bagi mempromosikan serta meraikan pencalonan kedua-dua elemen ini ke UNESCO. Dalam program ini, pameran kebaya, jualan dan sewaan kebaya, peragaan evolusi kebaya, pertandingan ratu kebaya cilik

dan dewasa, bicara kebaya, joget lambak berkebaya dan sarapan berkebaya telah diadakan.

Penyenaraian di bawah *Representative List* UNESCO merupakan pengiktirafan tertinggi di peringkat dunia untuk warisan kebudayaan tidak ketara. Pengiktirafan ini dapat memberikan promosi dan meningkatkan visibiliti Malaysia di peringkat dunia sebagai antara negara yang mempunyai pelbagai khazanah warisan kebudayaan tidak ketara yang boleh menjadi produk pelancongan serta memberi peluang ekonomi kepada negara melalui industri berkaitan. Pengiktirafan ini juga memperlihatkan komitmen Malaysia dalam melindungi warisan kebudayaan tidak ketara negara. Pengiktirafan ini turut akan mengukuhkan hubungan serta jaringan kerjasama antara rakan negara ASEAN yang akan turut mengadakan program secara bersama untuk terus mempromosi dan melestarikan kebaya di negara masing-masing pada masa akan datang. Kejayaan ini merupakan hasil usaha bersama semua pihak yang terlibat dan satu bentuk pengiktirafan kepada para pengamalnya bagi memastikan warisan seni budaya ini kekal terpelihara. Pengiktirafan ini juga merupakan satu tanggungjawab yang perlu dipikul oleh semua pihak tidak kira kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan, komuniti atau individu di Malaysia untuk memastikan warisan ini terus dilindungi dan disampaikan kepada generasi akan datang.

Bersempena dengan pengiktirafan kebaya oleh UNESCO di sesi ke-19, IGC ICH, MOTAC telah menerajui pengisian program di Asuncion, Paraguay bagi mempromosikan kebaya di peringkat antarabangsa. JWN bertanggungjawab mengadakan pameran kebaya serta *booklet* kebaya yang turut disertai oleh Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura dan Thailand. Selain mempamerkan poster grafik serta koleksi kebaya, turut

diadakan sesi perkongsian ilmu berkaitan kebaya oleh *Malaysian Craft Council* (MCC) dan demonstrasi sulaman kebaya oleh Lim Yu Lin yang dibawakan khas dari Ang Eng Nyonya Kebaya di Juvented Room, Grand Bourbon, Asuncion Hotel, Paraguay yang diadakan pada 4 dan 5 Disember 2024. Bersempena dengan pameran ini juga, buku “Kebaya Malaysia” akan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kebudayaan 2003 Convention UNESCO, Ernesto Ottone R. pada 5 Disember 2024. Brunei Darussalam pula bertanggungjawab dalam menyediakan nota intervensi yang dibacakan selepas kebaya diinskripsi, Thailand bertanggungjawab menyediakan draf kenyataan media, Indonesia menyediakan model-model yang memperagakan kebaya kelima-lima buah negara, manakala Singapura bertanggungjawab menyediakan video *post-inscription* kebaya.

Jabatan Warisan Negara
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
4 Disember 2024

Lampiran Gambar

Bengkel Kebaya di Port Dickson, Negeri Sembilan 1-3 November 2023








Bengkel Kebaya di Jakarta, Indonesia 6-8 Februari 2023







Mesyuarat secara dalam talian bersama negara yang telibat pada 8 Mac 2023



Pameran Kebaya di Sama-Sama Hotel, Sepang





Pameran Kebaya di Parlimen





Program “Road to UNESCO: Meraikan Warisan Kita/Celebrating Our Heritage”







Info Tambahan:

Baju kebaya merupakan salah satu pakaian wanita yang tertua di Nusantara. Persalinan tertua ini juga dikongsi bersama dengan beberapa negara di rantau ini seperti Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand. Kebaya menepati definisi elemen warisan kebudayaan tidak ketara (WTK) kerana kebaya melibatkan kemahiran tradisional seperti sulaman dan teknik jahitan untuk menghasilkan pakaian wanita tradisional ini. Kebaya memberikan kita satu peluang untuk mempromosi dan meraikan warisan kebudyaan yang ditemui di serata rantau Asia Tenggara. Kebaya terbahagi kepada dua jenis iaitu kebaya pendek dan kebaya labuh.

Kebaya Pendek

Kebaya pendek ini juga dikenali sebagai baju kebaya Nyonya, baju bandung, baju Kota Bharu, baju belah, baju kebaya sulam atau kebaya biku. Di Malaysia, baju kebaya pendek yang dikenali sebagai baju bandung atau baju kebaya sulam dipakai oleh orang Melayu, Chetti dan Nyonya dari Melaka, dan Cina Peranakan dari Pulau Pinang, Kelantan

dan Terengganu. Bagi masyarakat pribumi Sarawak, baju kebaya pendek ini menjadi salah satu pakaian tradisi yang amat digemari hingga ke hari ini.

Baju kebaya pendek lazimnya diperbuat daripada kain kasa ropia, kasa swiss dan kain polyester. Orang Melayu gemar menggunakan kain lace yang jarang dengan ragam hias dan warna yang tidak terbatas. Baju kebaya pendek lazimnya dipadankan dengan kain batik sarung, kain batik lepas dan untuk kelihatan lebih menarik, kadang kala dipadankan dengan kain songket. Oleh kerana baju kebaya pendek amat jarang, ianya dipakai dengan anak baju yang besar berwarna putih yang diperbuat daripada kain kapas halus. Anak baju ini juga disulam cantik yang kadang kala berhias renda-renda yang dikait.

Berbagai-bagai jenis sulaman terdapat pada baju kebaya pendek ini seperti sulaman tampal, sulaman satin dan sulaman kerawang. Baju kebaya pendek mempunyai potongan yang sangat mudah. Potongannya mengandungi dua keping badan hadapan, satu keping badan belakang dan dua keping lengan. Bahagian pinggang badan dicengkik ke dalam bagi membentuk bahagian pinggang. Dengan cara menjahit dengan jahitan dart pada kedua-dua bahagian depan dan belakang pinggang susuk tubuh pemakai lebih jelas kelihatan. Labuhnya hingga ke paras punggung dan ada juga mereka yang menggemari potongan yang lebih pendek. Potongan bahagian hadapan diserongkan tirus dari punggung.
Selain daripada itu, terdapat juga baju kebaya yang disebut sebagai Baju Kebaya Sekerat Tiang, potongannya sama hanya labuh baju ini di atas paras lutut atau paras lutut sahaja. Potongan ini diminati mulai dalam tahun-tahun 1960an.

Kebaya Labuh

Baju kebaya pada asalnya dikatakan daripada perkataan Arab atau Turki yang disebut sebagai habaya atau al akibaya al Turkiyya yang bermaksud pakaian labuh yang berbelah di bahagian hadapan sampai ke kaki. Namun di Tanah Melayu baju ini disebut sebagai baju Kebaya Labuh bagi orang Melayu dan Baju Belah Labuh atau Baju Panjang oleh Nyonya Peranakan dan labuhnya hanya ke paras bawah lutut atau buku lali. Baju ini akan dipadankan dengan kain sarung pelikat, kain tenun Bugis, kain songket atau dibuat sedondon. Sejak dahulu lagi, kebaya labuh hanya dipakai dengan kain sarung yang dilipat tangkup ke hadapan. Jika memakai kain sarung berkepala, kepala kain diletak di hadapan luar pelipat.

Kebaya labuh yang asli mempunyai potongan yang berbelah serta berpesak di hadapan. Pesak dipasang di hadapan dari tengkuk ke bawah terbelah. Bahagian depan yang terbuka disemat dengan tiga butir kerongsang sama ada kerongsang ibu dan anak atau kerongsang berantai. Lengannya dipotong sama rata seperti lengan baju kurung dan dicantumkan dengan kekek sebelum dilekatkan pada badan baju. Baju kebaya yang asli tidak berlidah apabila dipakai tetapi hanya ditindih antara kiri dan kanan sahaja dan disematkan dengan kerongsang atau pin.

Di Malaysia, kebaya labuh ini dipakai oleh wanita di Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Kedah dan Perlis. Di Melaka dan Pulau Pinang, pakaian ini turut dipakai oleh Baba Nyonya, Peranakan Cina dan Chetti serta peranakan Jawi. Fabrik baju kebaya labuh adalah tidak terbatas tetapi

mengikut citarasa, darjat dan suasana ketika dipakai. Kebanyakan baju kebaya labuh yang dijadikan pakaian harian diperbuat daripada kain-kain kasar nipis, kain kapas kosong atau berbunga. Oleh kerana baju kebaya labuh amat jarang, ianya dipakai dengan anak baju yang besar berwarna putih yang diperbuat daripada kain kapas halus. Anak baju ini juga disulam cantik yang kadang kala berhias renda-renda yang dikait. Untuk upacara keramaian, ia diperbuat daripada kain-kain broked, kain satin Cina, kain sutera, kain tenun Bugis yang digerus dan ada juga yang ditelepuk dengan perada emas.